

09 OCT 1997

Mahathir-Dialog

DR MAHATHIR SAMPAI UCAP UTAMA PADA DIALOG LONDON

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan utama bertajuk "Membentuk Wawasan Menjadi Kenyataan - Pengalaman Malaysia" pada Dialog London: Malaysia-British di London pada 21 Okt ini.

Presiden Institut Kepimpinan dan Strategi Asia Mirzan Mahathir hari ini berkata selepas ucapan utama itu, Perdana Menteri akan mengadakan dialog dengan kira-kira 300 pemimpin korporat yang dijangka hadir pada majlis itu.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Datuk Dr Munir Abdul Majid juga dijadual membentangkan kertas kerja pada dialog itu.

Ketika bercakap pada persidangan berita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian dengan penaja dialog itu di sini, Mirzan berkata menerusi dialog itu ahli perniagaan, pelabur dan pengurus dana dari Britain boleh mengetahui langkah muktakhir kerajaan dalam menangani krisis mata wang dan pasaran saham yang dihadapi rantau ini kini.

Mirzan berkata, objektif utama dialog itu ialah membina hubungan jangka panjang yang konkrit antara ahli perniagaan Malaysia dan Britain demi faedah kedua-dua rantau.

Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia Terry Byrne yang hadir pada persidangan berita itu berkata, kerajaan Britain berharap hubungan perdagangan antara kedua-dua rantau akan dapat dipertingkatkan menerusi dialog itu.

Katanya, pasaran Britain di Malaysia amat besar. Malaysia menduduki tangga ke-29 daripada 227 negara dengan jumlah import dari Britain bernilai kira-kira RM5,800 juta manakala jumlah eksport Malaysia ke negara itu berjumlah RM11,900 pada tahun lepas.

Antara penaja majlis dialog itu ialah Standard Chartered Bank Malaysia Berhad, Bank Bumiputra, GEC-Marconi, YTL Berhad, Kuala Lumpur Kepong Berhad dan IGB Corporation Berhad. -- BERNAMA

MT NMO